

# BAHASA SEJARAH MELAYU: SATU PERBINCANGAN MENGENAI BAHASA DAN KETOKOHAN BAHASA PENGARANGNYA

*Asmah Haji Omar*

## Abstrak

**BAHASA** *Sejarah Melayu* bahasa kesusasteraan tinggi, yakni bahasa yang indah yang dihasilkan dengan menjalinkan unsur-unsur bahasa yang ada dalam irama yang harmonis yang pada masa yang sama menimbulkan gambaran yang jelas pada persepsi pembaca. Ciri ini tentu sahaja terletak pada kewibawaan pengarang menggunakan daya ciptanya dalam menyampaikan cerita yang bersepadu yang disertai dengan idea-ideanya sendiri. Dari penggunaan bahasa dan wacana *Sejarah Melayu*, dapat dibuat kesimpulan bahawa pengarangnya dari kalangan istana, dan dapat memahami kitab-kitab Arab. Di samping itu dia seorang intelektual dalam zamannya, dan juga seorang yang mempunyai *sense of humour*.

## Abstract

*The language of Sejarah Melayu is one of high literature, i.e. a beautiful language written by weaving existing linguistic elements in a harmonious flow of rhythm which at the same time gives rise to a picture that is most vivid to the perception of the reader. This characteristic rests with the mastery of the author in utilizing his creativity in presenting his story so that it comes out in an integrated whole, and incorporated into it his own ideas about things. From the language and the discourse of Sejarah Melayu, one can conclude that its author belonged to the palace community, and could understand religious books written in Arabic. Furthermore, he was an intellectual of his age, and one who had a sense of humour.*

## PENGENALAN

Bagi orang biasa dan juga dalam pengertian awam, bahasa yang digunakan dalam sesuatu masyarakat bagi sesuatu jangka masa tertentu itu merupakan gambaran kehidupan sosiobudaya masyarakat berkenaan. Misalnya, peng-

gunaan bahasa Melayu sekarang adalah gambaran yang sedang berlaku dalam masyarakat Malaysia dari berbagai-bagai segi kehidupan rakyat Malaysia. Adanya begitu banyak perkataan yang muluk-muluk bunyinya yang digubal ataupun diambil atau diubahsuaikan menunjukkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia ke arah pencapaian dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dan profesional, khususnya dalam sains dan teknologi. Bahkan kegemaran orang-orang Malaysia untuk alih-kod dalam bahasa pertuturannya, misalnya Melayu-Inggeris, Cina-Melayu, Melayu-Iban dan sebagainya juga adalah gambaran tentang aspek-aspek peranan bahasa-bahasa itu dalam kehidupan penutur-penutur berkenaan.

### **ORANG YANG BAGAIMANAKAH YANG MENGHASILKAN PENULISAN *SEJARAH MELAYU***

Apabila kita berhadapan dengan *Sejarah Melayu*, dan hendak mempercakapkan bahasanya, maka kita harus sekurang-kurangnya mengemukakan pertanyaan-pertanyaan ini: Adakah bahasa *Sejarah Melayu* menggambarkan bahasa masyarakat dan pengarangnya, dan bagaimanakah pula ketokohan pengarang itu?

Jika kita berpegang pada hakikat bahawa sesuatu teks yang dihasilkan itu menggambarkan latar belakang sosial serta pendidikan dan ilmu pengetahuan yang ada pada penulisnya, maka teks *Sejarah Melayu* (tidak kira versi mana) menunjukkan bahawa penulisnya mempunyai kemahiran dalam penggunaan bahasa Melayu dari berbagai-bagai segi.

Dari segi peraturan bahasa, khususnya dari segi peraturan nahu dan peraturan makna, buku ini mengemukakan satu model bahasa yang baik. Bahasa yang digunakan adalah yang jalan ayatnya membuat teks mudah difahami. Hal ini demikian kerana teks ditulis dalam klausa yang pendek-pendek yang dikait-kait secara mudah dalam urutan pendampingan, atau urutan yang oleh linguistik moden disebut parataksis. Gaya yang seperti ini bukan sahaja membuat bahasanya mudah difahami, tetapi memungkinkan penceritaan dibuat secara terperinci.

Lihat petikan di bawah sebagai contoh:

Syahdan maka dilihat oleh segala mereka itu seekor binatang maha tangkas lakunya, merah warna tubuhnya, hitam kepalanya dan putih dadanya, dan sikapnya terlalu pantas dan perkasa, dan besarnya besar sedikit daripada kambing randuk.

Gaya yang seperti ini yang dikatakan menggunakan konstruksi parataksis mungkin membosankan orang sekarang. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa teks ini ditulis dalam abad ke-17 yang belum menunjukkan kegemaran kepada gaya hipotaksis, yakni yang menggunakan ayat-ayat yang berlapis-lapis dan berjela-jela seperti yang ada sekarang ini. Keindahan bahasa hendaklah diukur dengan berlatarkan zamannya, bukan zaman lain.

Struktur parataksis dapat menimbulkan irama yang rancak, yang terus menerus menggerakkan persepsi pembaca kepada sesuatu yang digambarkan dalam akal fikirannya oleh prosa yang dihadapinya. Struktur parataksis digunakan barangkali juga disebabkan pada mulanya cerita *Sejarah Melayu* diturunkan secara lisan, dan dicatat secara beransur-ansur. Huraian yang terperinci tidak dapat dipertahankan dalam struktur hipotaksis terutama apabila diturunkan secara lisan.

Gaya dengan penyusunan ayat yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* tidak digemari sekarang kerana dianggap tidak licin dan terputus-putus. Tetapi seperti yang sudah dikatakan di atas, dalam usaha memberi penilaian kepada gaya bahasa, hal ini harus dilihat dalam konteks zamannya. Seperti yang dibukti oleh *Sejarah Melayu*, gaya parataksis boleh menimbulkan keindahan bahasa seperti yang terdapat dalam kesusasteraan tinggi.

Yang saya maksudkan dengan bahasa kesusasteraan tinggi ialah bahasa yang indah, yang dihasilkan dengan menjalinkan unsur-unsur yang ada dalam irama yang harmonis yang pada masa yang sama menimbulkan gambaran yang jelas pada persepsi pembaca. Sebagai contoh, lihatlah petikan di bawah yang menceritakan usaha bonda Sang Nila Utama melarangnya pergi ke Bintan.

Maka titah bonda baginda, “Apa kerja anak kita pergi ke sana? Tiadakah rusa dan pelanduk dengan kandangnya, dan tiadakah kijang landak dengan kurungnya? Tiadakah segala ikan dan kerang-kerang di dalam kolam? Dan tiadakah buah-buahan dan bunga-bunga di dalam taman? Mengapakah maka anak kita hendak bermain jauh?”

## PENGUASAAN BAHASA TINGGI

Pengarang *Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa dia mempunyai penguasaan terhadap variasi bahasa yang dianggap sebagai bahasa tinggi.

Bahasa tinggi didefinisikan sebagai bahasa yang ditandai oleh ciri-ciri keformalan, keintelektualan, kesusasteraan tinggi, dan biasanya digunakan dalam konteks penggunaan bahasa yang melibatkan orang-orang yang

berkuasa dalam masyarakat. Bahasa rendah tidak mempunyai ciri-ciri yang disebut di atas. Bahasa rendah terdapat dalam perbualan yang memperkatakan hal yang remeh-remeh; tidak ada ciri keintelektualan atau keindahan padanya.

Ciri-ciri bahasa tinggi dalam *Sejarah Melayu* boleh dilihat dari pelbagai sudut. Dalam makalah ini akan diperkatakan tiga sudut sahaja, iaitu penggunaan unsur-unsur Arab, penggunaan unsur-unsur Sanskrit dan Parsi, dan pengungkapan dalam bahasa Melayu sendiri dalam pewujudan taksonomi benda-benda.

### **KEHADIRAN UNSUR-UNSUR ARAB**

Jika kita perhatikan banyak juga unsur bahasa Arab yang dimasukkan ke dalam penceritaan dalam *Sejarah Melayu*, yang berkemungkinan besar tidak digunakan dalam pergaulan sehari-hari, yakni dalam bahasa rendah. Antara kata-kata itu adalah seperti yang berikut: *afuah* (pertolongan, berkat), *tahkik* (benar), *waad* (janji), *fadhilat* (kebaikan), *aib* (malu), *termazkur* (tersebut), *khallada* (untuk selama-lamanya), dan banyak lagi.

Kata-kata Arab seperti yang di atas tidak diturunkan kepada bahasa Melayu sekarang sebagai kata sehari-hari. Kata-kata yang diturunkan hingga ke zaman sekarang ialah kata-kata seperti zaman, taufik, ilmu, wali, masyghul, fakir dan sebagainya.

Kesemuanya menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Arab dan ilmu pengetahuan dari kitab-kitab dan hikayat-hikayat Islam sudah kuat dalam perkembangan bahasa Melayu dalam zaman Tun Seri Lanang. Tidaklah meleset jika dikatakan bahawa Tun Seri Lanang sendiri mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Arab. Jika Tun Seri Lanang tidak mempunyai pengetahuan dalam bahasa Arab dia tidak dapat dengan mudah memasukkan kata-kata Arab ke dalam bahasa tinggi. Demikian juga, jika dia tidak tahu bahasa Arab tidaklah dengan mudah dia membawa petikan-petikan daripada Quran, hadis dan berbagai-bagai lagi kitab Arab. Dalam hubungan ini juga dapat ditakbirkan bahawa Tun Seri Lanang juga adalah seorang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang agama Islam.

### **KEHADIRAN UNSUR-UNSUR SANSKRIT DAN PARSIS**

Ciri keintelektualan bahasa Tun Seri Lanang dapat juga dilihat dalam penggunaan kata-kata yang berasal daripada bahasa Sanskrit dan bahasa

Parsi. Banyak juga kata tersebut yang memberi ciri klasik pada bahasa *Sejarah Melayu*, tetapi adanya kata-kata berkenaan bukanlah bermakna bahawa bahasa-bahasa berkenaan dikuasai oleh Tun Seri Lanang.

Tidak ada petikan yang ditulis dalam bahasa Sanskrit yang diturunkan oleh Tun Seri Lanang, bahkan juga dalam cerita-cerita awal dalam *Sejarah Melayu*, yang mengisahkan kedatangan anak cucu Iskandar Zulkarnain dari India ke Bukit Siguntang. Unsur-unsur Sanskrit yang diwarisi oleh Tun Seri Lanang dan masyarakatnya dari generasi-generasi yang terdahulu dari mereka merupakan satu-satu kata dengan rujukannya, di luar konteks cerita atau petikan. Perbendaharaan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit adalah gambaran perkembangan bahasa Melayu pada peringkat sebelum datangnya bahasa Arab. Dalam zaman Tun Seri Lanang, bahasa Sanskrit sudah tidak mempunyai penggunaan yang aktif walaupun dalam kalangan golongan atasan.

Adanya kata-kata yang berasal daripada bahasa Parsi dan satu petikan ayat dalam bahasa Parsi juga bukanlah bukti yang kuat bahawa Tun Seri Lanang dapat bertutur dalam bahasa berkenaan. Perbendaharaan kata pinjaman Parsi yang ada pada Tun Seri Lanang merupakan unsur-unsur yang sudah diterima ke dalam bahasa Melayu dalam proses kemasukan pengaruh luar ke dalam bahasa Melayu. Petikan yang satu dalam bahasa Parsi mungkin diperoleh daripada pembacaannya atau mungkin juga daripada teks bahasa Arab.

## **PENGGUNAAN UNSUR-UNSUR MELAYU DAN PINJAMAN DALAM PEWUJUDAN TAKSONOMI**

Keefisienan sesuatu bahasa antara lain terletak pada kemampuannya memberi lambang (yakni kata) bagi merujuk benda-benda konkrit atau abstrak, yang dikenal sebagai rujukan. Lebih-lebih lagi keefisienan bahasa dapat memberi lambang untuk membezakan rujukan dalam medan makna yang sama, tetapi mempunyai ciri-ciri kecil yang membezakan rujukan-rujukan itu, yang satu dari yang lain.

Sesuatu medan makna mewakili satu golongan rujukan yang besar yang mempunyai ahli-ahlinya. Hal ini dapat dilihat dalam cara Tun Seri Lanang menghuraikan beberapa jenis “kenaikan” (yakni kenderaan) yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis perahu dan kapal. Dalam zaman sekarang, yang dikenal perahu, sampan, dan kapal, sedangkan perkapalan dan pelayaran sudah ada pangkalan datanya, dan pangkalan data tersebut dapat dimanfaatkan dalam zaman moden ini.

Dengan itu *Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa bahasa Melayu dalam zaman penulisannya sudah memperlihatkan adanya taksonomi dan perincian bagi konsep-konsep pelayaran dan kenderaan laut. Oleh itu tidak hairanlah dalam pembinaan bahasa Melayu sekarang Dewan Bahasa dan Pustaka mengusahakan projek mengumpul nama jenis-jenis kapal/perahu, serta juga nama bahagian-bahagiannya.

Demikian juga halnya dengan bidang seni bina. Huraian Tun Seri Lanang tentang pembinaan istana raja memperlihatkan adanya istilah-istilah seni bina dan pertukangan kayu yang sudah gugur dari perbendaharaan kata Melayu melalui peredaran zaman. Hal yang sama juga dapat dilihat dalam penceritaan tentang bahan yang digunakan untuk membuat pakaian. Dari teks *Sejarah Melayu*, dapat dikesan taksonomi dalam bidang tekstil.

Berkenaan dengan alat-alat muzik dan seni tari, *Sejarah Melayu* membuktikan bahawa masyarakat zamannya sudah dapat mengenal dan membezakan satu jenis dari yang lain. Misalnya, bunyi-bunyian dihasilkan daripada gong, gendang, serunai, nafiri, nagara, gendir, berangsang, merdangga, perirana, sekati, giring, celempung, bangsi, suling, kopak, ceracap. Gerak-gerak tari pula terdiri daripada menapak, tandak, mengigal, berserana, merakat, berperang pupuh.

Dengan menggunakan unsur morfologi Melayu, misalnya penambah *per-*an, dapatlah Tun Seri Lanang menimbulkan taksonomi dalam tatatingkat/pangkat orang-orang Melayu. Tun Seri Lanang mencipta istilah-istilah taksonomi seperti perawangan, perdaraan, pertuanan, perserian, dan persangan.

## PENGGUNAAN HUMOR

Pengarang *Sejarah Melayu* ialah orang yang mempunyai “sense of humour”. Humornya diperlihatkan dengan tiga cara, iaitu pemberian gelar pada orang-orang tertentu, permainan unsur bahasa, dan penggunaan bahasa Jawa.

Pemberian gelar dapat dilihat pada nama-nama seperti Tun Mai Ulat Bulu, Tun Isap Berakah dan lain-lain lagi apabila mendapat gelar mereka dalam keadaan susah, yakni dalam kebakaran istana raja. Di sini pengarang *Sejarah Melayu* menggunakan humornya untuk menghilangkan ketegangan atau untuk tujuan “comic relief”.

Permainan kata untuk menimbulkan humor juga ada kalanya untuk menimbulkan “comic relief”. Hal ini dapat digambarkan dengan peristiwa yang berlaku dalam peperangan dengan Haru. Dalam ketegangan yang dihadapinya, Mia Ruzul di pihak Melaka menyangka kambing randuk itu orang Haru. Petikan di bawah dapat menggambarkan keadaan berkenaan:

“Maka Mia Ruzul pun terkejut, lalu lari tunggang-langgang, maka ia terbangkit, lari pula ternganga-nganga mengusir orang banyak. Maka sekalian orang pun terkejut gempar melihat Mia Ruzul terlari-lari itu. Maka kata segala orang itu” “Mengapa, hai Ruzul?” Maka kata Mia Ruzul, “Kita bertemu Haru tua, kita hudap ia zughul, kita zughul ia hudap.”

Humor berdasarkan permainan unsur bahasa, khususnya unsur bunyi, juga dapat dilihat dalam peristiwa yang diceritakan tentang bagaimana seorang Arab mempersendakan orang Melayu dalam menyebut kata-kata Arab. Ini dibalas balik oleh orang Melayu dengan mempersendakan orang Arab menyebut kata-kata Melayu. Semuanya ini dengan mempermainkan bunyi bahasa.

Pengarang *Sejarah Melayu* nampaknya tahu serba sedikit bahasa Jawa dengan menggunakan istilah Jawa dalam nama nyanyian dan tarian Jawa serta alat-alat muzik. Kebolehannya dalam bahasa Jawa diperlihatkan dalam beberapa ayat yang ditimbulkan untuk mempersendakan wanita-wanita Jawa yang terpesona dengan ketokohan dan ketampanan Hang Tuah. Selain itu, bahasa Jawa (kecuali dalam istilah) tidak digunakan.

## PENGUASAAN BAHASA HALUS

*Sejarah Melayu* menggambarkan penggunaan bahasa yang digunakan dalam keadaan penuh sopan santun. Gambaran ini dikesan dalam proses naratifnya serta juga dalam perbualan. Bahasa yang ditandai oleh ciri-ciri kesopanan dalam hubungan antara penutur disebut bahasa halus. Bahasa halus tidak perlu ditandai oleh ciri bahasa tinggi, tetapi dalam *Sejarah Melayu* didapati kedua-duanya. Bahasa halus boleh bersifat formal dan boleh juga bersifat bersahaja. (Lihat Asmah Haji Omar, “Sociolinguistic Varieties of Malay”, 1987).

Perbualan dalam *Sejarah Melayu* jelas menunjukkan pula adanya dua gaya lagi, iaitu perbualan formal dan perbualan bersahaja. Perbualan formal berlaku dalam interaksi antara raja dengan rakyat, bangsawan dengan rakyat, dan antara golongan raja dan bangsawan sesama sendiri. Perbualan bersahaja merupakan bentuk interaksi antara rakyat dengan rakyat, dan rakyat di sini bermakna mereka dalam kelas sosial rendah, seperti hamba raja dan orang kampung biasa.

Ciri-ciri bahasa halus dapat dilihat dengan jelas dalam penggunaan kata-kata ganti nama diri dan kata sapaan. Kata-kata ganti nama diri yang asas dalam bahasa Melayu ialah aku, kami, kita untuk orang pertama; kamu,

engkau, awak untuk orang kedua; ia, dia mereka untuk orang ketiga. Peraturan kesopanan dalam bahasa Melayu menunjukkan bahawa kata-kata ini tidak boleh digunakan dalam semua keadaan dalam hubungan antara penutur. Pemilihan mana-mana satu daripada kata-kata di atas hendaklah dibuat berdasarkan hubungan antara penutur yang mengambil kira jarak umur, pangkat dalam masyarakat, pangkat kekeluargaan dan darjat kemesraan dalam hubungan antara penutur-penutur yang terlibat. Penggunaan kata-kata itu tanpa pertimbangan teliti terhadap faktor-faktor yang disebut di atas itu boleh menimbulkan keadaan yang tidak diinginkan, kerana satu pihak boleh dianggap tidak sopan, bahkan biadab, terhadap pihak lain.

Dalam *Sejarah Melayu*, kebanyakan kata ganti nama diri di atas hampir tidak digunakan. Penggunaan aku, kau, awak, kamu, hanya beberapa kali sahaja dan terdapat dalam pertuturan orang yang tinggi kedudukannya dalam kekeluargaan dengan yang di bawah, misalnya antara Bendahara Paduka Raja dengan cucu-cucunya. Dalam hubungan lain, bahkan dalam hubungan antara raja dengan pesuruh-pesuruhnya, atau kaum bangsawan dengan pesuruh mereka, ganti nama diri yang lebih sopan digunakan. Misalnya, raja menyebut dirinya sebagai hamba, kadangkala kita, apabila bercakap dengan rakyat, dan menyapa rakyat sebagai tuan hamba. Rakyat pula menyebut diri sebagai patik dan menggunakan tuanku apabila menyapa raja. Golongan bangsawan atau pegawai-pegawai istana menyebut diri mereka sebagai beta atau hamba apabila bercakap sesama sendiri, dan menyapa orang yang diajak bercakap itu sebagai tuan hamba. Rakyat pula menyebut diri sendiri sebagai hamba dan menyapa golongan bangsawan dan pegawai istana serta golongannya sendiri sebagai tuan hamba.

Dalam konteks kekeluargaan, kata-kata yang digunakan ialah nama pangkat kekeluargaan, digunakan berserta dengan akhiran hormatannya, iaitu -da atau -nda, anakanda, kakanda, adinda, bonda, ayahanda, mamanda/ manda dan sebagainya. Hubungan yang mesra antara keluarga yang berbeza yang tidak mempunyai perkaitan darah daging juga memperlihatkan penggunaan kata-kata seperti di atas. Ini juga meliputi hubungan antara raja dari negeri yang berbeza-beza, seperti yang berlaku sekarang dalam sapa menyapa antara raja-raja Melayu.

Dalam usaha memperkatakan bahasa dan masyarakat pada zaman berkenaan, andaiannya ialah bahawa Tun Seri Lanang penulis *Sejarah Melayu*, menulis berdasarkan peraturan-peraturan bahasa yang diterima oleh masyarakat dalam zamannya. Dari sini dilihat bahawa dalam *Sejarah Melayu* ditulis, masyarakat Melayu sudah mengenal adanya gaya bahasa



yang berbeza-beza yang menandakan perbezaan dalam tujuan penggunaan bahasa. Dalam perkataan lain, masyarakat sudah mengenal adanya gaya penulisan kesusasteraan dan gaya perbualan.

Selain itu, pengarang *Sejarah Melayu* mempunyai pengetahuan yang baik dan mendalam berhubung dengan peraturan sosiolinguistik dalam interaksi antara penutur. Hanya orang yang hidup dalam kalangan istana sahaja yang dapat menguasai peraturan bahasa sedemikian.

## **KESIMPULAN TENTANG PENGARANG SEJARAH MELAYU**

Daripada perbincangan di atas itu, dapatlah dibuat beberapa kesimpulan tentang latar belakang pengarang *Sejarah Melayu*.

Pertama, pengarang *Sejarah Melayu* hidup dalam kalangan istana, yang bukan sahaja tahu tentang selok-belok kehidupan di istana dan kaedah pemerintahan yang berlaku, tetapi juga tahu peraturan-peraturan sosial dalam penggunaan bahasa, tegasnya peraturan sosiolinguistik.

Kesimpulan ini menyokong pendapat yang mengatakan bahawa pengarang *Sejarah Melayu* ialah Tun Seri Lanang, yakni Bendahara Paduka Raja bagi sultan Melaka terakhir.

Kedua, pengarang *Sejarah Melayu* dapat memahami kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Arab dan ayat-ayat Quran. Dia juga dapat bertutur dalam bahasa berkenaan. Penguasaan bahasa Arabnya merupakan penguasaan yang dipelajari secara tekun, bukan yang diperoleh secara sambil lewa daripada pedagang-pedagang Arab. Di samping itu, pengarang *Sejarah Melayu* dapat menguasai perbendaharaan kata Sanskrit dan Parsi yang sudah menjadi unsur bahasa Melayu klasik dalam zamannya. Ini tidak bermakna dia boleh bertutur dalam bahasa-bahasa itu.

Berdasarkan faktor pertama dan kedua di atas, pengarang *Sejarah Melayu* adalah intelektual dalam masyarakat dan zamannya.

Ketiga, tidak ada bukti yang kuat untuk mengatakan bahawa pengarang *Sejarah Melayu* menguasai bahasa Jawa seperti halnya dia menguasai bahasa Arab. Jika dia tahu bahasa Jawa, maka kemungkinan besar pemerolehan ini adalah daripada pergaulannya dengan orang-orang Jawa di Melaka. Nampaknya dia tidak begitu gemar bahasa Jawa seperti halnya dia gemar bahasa Arab.

Keempat, pengarang *Sejarah Melayu* adalah seorang yang mempunyai *sense of humour*. Sikap yang seperti ini sama sekali tidak ada pada pengarang *Hikayat Hang Tuah*.

Dalam perbahasan mengenai *Sejarah Melayu*, misalnya oleh Linehan, Teeuw dan Winstedt, ada ditimbulkan soal sama ada *Sejarah Melayu* (bagi mana-mana versi) ditulis oleh satu orang atau lebih. Teeuw dalam pengantarnya kepada *Sejarah Melayu* versi Abdullah Munsyi (Penerbit Djambatan, 1952), mengatakan bahawa pengarangnya lebih daripada satu orang kerana menurut beliau, tidak mungkin satu orang mempunyai pengetahuan yang begitu luas tentang sejarah Timur Tengah, India dan sebagainya yang dikesan hingga ke Iskandar Zulkarnain. Sarjana-sarjana lain berpendapat bahawa *Sejarah Melayu* mula ditulis oleh satu orang pengarang dan diberi tokoh tambah kemudian.

Jika diperhatikan gaya bahasa *Sejarah Melayu*, bukan setakat pemilihan kata dan ungkapan tetapi juga kaedah penghuraian serta rentak irama yang dapat dirasakan apabila kita membaca teks itu, maka kesan yang diperoleh ialah teks berkenaan ditulis oleh satu orang. Tegasnya ada pengarang asal yang utama yang menghasilkan karya berkenaan. Jika versi-versi yang ada menunjukkan perbezaan di sana sini dari segi peristiwa-peristiwa kecil dalam cerita atau dari segi pencatatan nama orang, maka ini mungkin berlaku dalam proses penurunan teks itu ke beberapa naskhah dari zaman ke zaman.

Bukanlah mustahil bagi pengarang *Sejarah Melayu* mengetahui sejarah alam lain daripada alam Melayu. Seperti yang sudah saya katakan, pengarang *Sejarah Melayu* adalah orang yang dapat membaca, boleh jadi juga bertutur, dalam bahasa Arab. Dengan itu dia dapat mempergunakan sumber-sumber yang ditulis dalam bahasa berkenaan yang diperolehnya daripada pedagang-pedagang atau mubaligh-mubaligh yang datang dari Arab dan India.

Dengan menggunakan ukuran dalam zamannya, pengarang *Sejarah Melayu* adalah seorang yang terpelajar yang sangat berminat dalam soal bahasa. Pemerolehan bahasa asing walaupun pada peringkat kecekapan yang tidak begitu tinggi merupakan satu kebanggaan baginya. Semua sifat yang disebut di atas bukanlah mustahil dicapai oleh tokoh yang dalam permulaan teks *Sejarah Melayu* disebut sebagai

“Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya Bendahara, anak orang kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Narawangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindam ...”

Tun Muhammad menyebut dirinya orang Melayu Melaka, dan nama “Tun Seri Lanang” adalah nama timang-timangannya. Jika dia orang Melayu, bagaimanakah dia mendapat nama “Lanang”, kerana perkataan

“Lanang” adalah perkataan Jawa yang bermakna “laki-laki”?

Seperti yang telah dikatakan sebelum ini, Tun Seri Lanang mempunyai serba sedikit pengetahuan dalam bahasa Jawa. Dalam teks *Sejarah Melayu*, ada bukti bahawa pengetahuan ini digunakan untuk tujuan menimbulkan humor. Ini berbeza dengan tujuan menggunakan pengetahuan dalam bahasa Arab yang digunakan untuk memberi tunjangan pada butir-butir penting yang dikemukakannya, khususnya mengenai agama dan akhlak.

Dalam bab pembuka *Sejarah Melayu*, Tun Seri Lanang kelihatan sungguh merendah diri, menyebut dirinya sebagai “fakir alladzi murakkabun ‘ala jahalin”, yang boleh diterjemahkan sebagai “hamba yang jahil murakab”. Dengan sikap yang seperti ini tidaklah hairan jika dia mengambil nama pena (nom de plume) Tun Seri Lanang. Jadi apabila dia mengatakan bahawa Tun Seri lanang adalah “nama timang-timangannya”, nama itu hendaklah diambil sebagai nama penanya, bukan nama yang digunakan sebagai timang-timangan oleh keluarganya.

Dalam usaha memperkatakan gaya bahasa teks *Sejarah Melayu*, saya telah mengemukakan bahawa teks itu ditulis pada dasarnya oleh satu orang sahaja. Hal ini ditegaskan oleh Tun Seri Lanang, dalam kata-katanya seperti yang berikut:

“Maka fakir karanglah hikayat ini ka ma sami’tuha min jaddi wa abi”  
(Maka saya karanglah hikayat ini seperti yang saya dengar daripada datuk saya dan ayah saya).

Dalam usaha memperkatakan gaya bahasa teks *Sejarah Melayu* juga, saya telah mengatakan bahawa penggunaan konstruksi parataksis mempunyai perkaitan dengan penurunan cerita itu, khususnya melalui tradisi lisan. Ini satu hal yang tidak dapat ditolak apabila diakui sendiri oleh Tun Seri Lanang bahawa hikayat berkenaan ditulis daripada apa yang didengarnya dari datuk dan ayahnya.

Bagaimanakah pendapat di atas dikaitkan dengan “hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa?” Jika kita terima hipotesis bahawa Tun Seri Lanang ialah pengarang *Sejarah Melayu*, maka hikayat dari Goa itu boleh dianggap naskhah yang ditulis oleh orang lain, yang merupakan asas bagi penulisan semua hikayat berkenaan oleh Tun Seri Lanang. Hikayat prototaip itu diperbaiki – dengan tambahan-tambahan cerita, dan ditulis semula menurut gaya Tun Seri Lanang sendiri, seperti yang dikatakan oleh orang besar yang mendorong Tun Seri Lanang menulis *Sejarah Melayu*.

“Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa. Barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala

anak cucu kita yang kemudian daripada kita,..."

Sebagai kesimpulan, bahasa *Sejarah Melayu* adalah gambaran bahasa dalam zamannya, dalam variasi bahasa tinggi dan bahasa halus. Sedikit sekali terdapat gambaran bahasa yang digunakan oleh rakyat sehari-hari.

## PENTARIKHAN SEJARAH MELAYU

Dari segi pentarikhannya pula, seperti yang dikatakan oleh Tun Seri Lanang, dia menulis dalam tahun 1012 Hijrah, kira-kira 1612 Masihi. Teks yang lebih awal daripada ini yang pernah saya kaji ialah teks Melayu *Aqaid al-Nasafi*, yang ditulis di sekitar tahun 1590-an. (Lihat Asmah Haji Omar, 1991). Jika dibandingkan kedua-dua teks itu maka dapat dikatakan bahawa terdapat banyak persamaan dari segi bahasa, tetapi teks *Aqaid al-Nasafi* memperlihatkan lebih banyak unsur yang lebih tua dibandingkan dengan teks *Sejarah Melayu*. Antaranya dan yang jelas sekali, lebih banyak terdapat pengguguran konsonan awal kata, apabila ditambahkan *me-* dan *pe-* yang diiringi oleh penyengauan pada kata dasar, dalam *Aqaid al-Nasafi* daripada dalam *Sejarah Melayu*. Dalam *Sejarah Melayu*, gejala yang seperti ini diwujudkan oleh kata menengar sahaja, yang dalam bahasa Melayu sekarang ialah mendengar. Dalam *Aqaid al-Nasafi* terdapat jauh lebih banyak contoh kata yang menggambarkan gejala ini. Misalnya, *menengar* (mendengar), *penengar* (pendengar), *memeri* (memberi), *memalas* (membalas), *menyeriterakan* (menceritakan), *memicara* (membicara).

Dalam usaha membandingkan proses-proses pembentukan kata dalam dialek-dialek Melayu dan juga bahasa-bahasa Austronesia lainnya, saya telah membuat kesimpulan bahawa proses pengguguran konsonan bersuara (b, d) yang terdapat dalam *Aqaid al-Nasafi* itu mewakili proses yang lebih tua daripada yang mempertahankan konsonan-konsonan berkenaan. (Lihat Asmah Haji Omar, 1995, Bab 6).

Daripada bukti ini dan juga bukti-bukti lain, maka bolehlah dikatakan bahawa *Sejarah Melayu* menggambarkan bahasa yang lebih muda daripada teks *Aqaid al-Nasafi*. Kemungkinannya teks prototaip sudah wujud sebelum tahun 1950-an dan perubahan bahasa telah berlaku dalam penurunan cerita berkenaan.

Kesimpulan di atas tentang pentarikhannya itu dibuat berdasarkan *Sejarah Melayu* versi Abdullah Munshi sahaja dalam makalah ini. Perbandingan versi-versi yang ada, terutama sekali dalam bentuk tulisan Jawi dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang pentarikhkan *Sejarah*

*Melayu.*

Winstedt berpendapat bahawa versi Raffles adalah versi yang lebih tua yang ditulis sekitar tahun 1539. Jika demikian halnya, maka bahasanya haruslah memperlihatkan lebih banyak ciri bahasa yang lebih tua daripada yang terdapat dalam versi Abdullah Munsyi.

Oleh sebab saya memperkatakan hal yang agak makro dalam makalah ini, maka dari awal saya membuat andaian bahawa hal-hal makro itu sama dari versi ke versi. Dengan itu saya hanya mengambil versi yang ada pada saya, iaitu versi Abdullah Munsyi. Pentarikhan memerlukan penelitian di peringkat mikro, dan dengan itu semua versi perlu dikaji dari segi unsur bahasa dan tulisan.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1987. "Sociolinguistic Varieties of Malay", dalam Asmah Haji Omar, *Malay in its Sociocultural Context*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 83–97.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqaid al-Nasafi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995. *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linehan, W. 1947. "Notes on the Text of the Malay Annals", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol XX, Pt. II, December 1947, hlm. 105–116.
- Sedjarah Melayu* menurut terbitan Abdullah (ibn Abdulkadir Munsji) diselenggarakan kembali dan diberi anotasi oleh T.D. Situmorang dan Prof. Dr. A. Teeuw dengan bantuan Amal Hamzah, Penerbit Djambatan, 1952.
- Winstedt, R.O. "The Malay Annals Again: Goa and the Kings of Singapore", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol XXII, Pt. 1, 1949, hlm. 178–180.